

Rujukan Kami : UTM.J06.01./10.12/22 Jld (44)  
Tarikh : 10 Mac 2021

## **Pekeliling Pelajar Bil. 02/2021 Prosedur dan Peraturan Baharu Kemasukan Pelajar ke Kampus UTM**

Semua Pelajar Universiti Teknologi Malaysia,

Berikutan pengumuman yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan Malaysia berkaitan perubahan prosedur baharu pelajar-pelajar yang memasuki kampus. Mesyuarat Penyelarasan Kemasukan Pelajar UTM Bil. 08 bertarikh 9 Mac 2021 telah memutuskan prosedur dan peraturan baharu **dipinda** seperti berikut:

- (1) Semua aktiviti keluar dan masuk ke dalam kampus UTM oleh pelajar adalah **dibenarkan** sehingga jam **10.00 malam** sahaja.
- (2) Perkhidmatan penghantaran makanan dan perkhidmatan *e-hailing* **dibenarkan** sehingga jam 10.00 malam sahaja.
- (3) Semua pelajar yang **menginap** di dalam kampus UTM adalah dikehendaki mempunyai **kad pergerakan pelajar** yang boleh didapati kolej masing-masing.
- (4) Bagi langkah berjaga-jaga dan mencegah penularan wabak pandemik Covid-19 semua pelajar yang diberi kebenaran menginap dalam kampus diwajibkan menjalani proses pengasingan (isolasi) di pusat isolasi dalam kampus yang ditetapkan selama **10 hari**. **Arahan ini adalah kekal sepertimana prosedur sedia ada.**
- (5) Selari dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (**MKN**) yang terkini juga pelajar daripada negeri Sabah **tidak perlu** menjalani ujian calitan (*swab test*) sebelum memasuki Semenanjung Malaysia.
- (6) Pelajar daripada negeri Sarawak yang akan memasuki kampus dikehendaki menjalani prosedur sedia ada yang ditetapkan.

Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“Prihatin Rakyat: Darurat Memerangi COVID-19”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Universiti Teknologi Malaysia

b.p. Naib Canselor

✉ : shamsul@utm.my

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Dekan-Dekan Fakulti
  - Pengetua-Pengetua Kolej